



Sebahagian daripada pembentang kertas kerja pada Simposium Antarabangsa Universiti Kyoto di Jepun, semalam.

Konsep Islam Hadhari sedia diperluas ke Taiwan, Sepanyol

Gagasan diperkenalkan Tun Abdullah semakin meluas di Jepun

• Kyoto (Jepun)

Konsep Islam Hadhari yang diperkenalkan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi terus diperkasa di Jepun dan diperluaskan ke rantau Asia serta Eropah.

Pengerusi Pertubuhan Legasi Tun Abdullah Ahmad Badawi (LEGASI), Datuk Jefridin Atan, berkata amalan konsep Islam Hadhari semakin meluas di Jepun sejak diperkenalkan 10 tahun lalu.

"Kini tiba masanya LEGASI memperkenalkan konsep ini di negara yang berminal seperti Taiwan dan Sepanyol. Kami cadang ia dilantarkan tahun depan," kata dia ketika Simposium Antarabangsa University Kyoto: Inisiatif Jepun-Malaysia dalam Paradigma Baru Asia-Islam, di sini semalam.

Simposium tiga hari akan bersama LEGASI dengan universiti itu berlangsung selama tiga hari yang berakhir hari ini.

Malaysia dan Jepun memulakan kerjasama konsep Islam Hadhari melalui Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Pusat Pengajian Asia dan Afrika, Universiti Kyoto (KU) pada 2008.

Tubuh Hadhari Global Network

Kerjasama diperkuatkan dengan penubuhan Hadhari Global Network (HGN). Ia berperanan menjalin kerjasama dengan pihak lain seperti tokoh akademik, institusi pengajian tinggi, agensi dan pembuat dasar di seluruh dunia dalam usaha memartabatkan Islam yang bertamadun.

Jefridin berkata, LEGASI selaku sekretariat HGN meluaskan kerjasama dengan Taiwan dan Sepanyol kerana mereka menunjukkan minat untuk mendalami Islam Hadhari secara terperinci.

Seramai 17 ahli akademik termasuk empat dari KU membentangkan kertas kerja. Pembentang mewakili Malaysia, antaranya Dr Muhammad Hakimi Mohd Shafiqi dari LEGASI yang membentangkan kertas kerja bertajuk Potensi Pendanaan Berasaskan Wakaf dalam Pembiayaan Bantuan Kelembagaan.

Dr Muhammad Hakimi memilih topik wakaf memandangkan bencana alam yang sering berlaku memerlukan peruntukan besar bagi membantu mangsa serta

membangunkan semula ekonomi negara yang ditimpakan musibah, khususnya negara Islam.

Cadang dikutip dana melalui internet

Sehubungan itu, beliau mencadangkan dana dikutip melalui wakaf dari sejatah dunia melalui internet perlu diperkenalkan dalam usaha pembangunan ummah dan negara.

Seorang lagi pembentang kertas kerja pada simposium yang dihadiri 70 ahli akademik itu ialah Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Prof Datuk Dr Azizan Baharuddin.

Beliau membentangkan kertas kerja bertajuk Kelestarian Tamadun: Penjagoan Alam Sekitar dalam Konteks Pegangan dan Pengaruh Agama.

Dr Azizan menekankan penting pengajian agama dan ketuhanan yang mana manusia sebagai khalifah di muka bumi perlu menjaga serta memastikan kelestarian alam sekitar.

Sementara itu, Pengarah Pusat Pengajian Peradaban Islam KU, Prof Dr Kosugi Yasushi yang juga penggerak utama HGN di Jepun, berkata negara bukan Islam juga perlu melaksanakan konsep Islam Hadhari, terutama berkaitan industri halal yang tidak hanya terhad kepada industri makanan semata-mata.



LEGASI selaku sekretariat HGN meluaskan kerjasama dengan Taiwan dan Sepanyol kerana mereka menunjukkan minat untuk mendalami Islam Hadhari secara terperinci"

Jefridin Atan,
Pengerusi Pertubuhan Legasi
Tun Abdullah Ahmad Badawi
(LEGASI)

PICOMS
INTERNATIONAL UNIVERSITY COLLEGE

PENDAFTARAN TERBUKA
15 DISEMBER 2018

MOHON ONLINE:
www.picoms.edu.my

WANG SAKU BULANAN
RM 300
• Kos yang lowkey
• Berdaulat termasuk syarat

Three students smiling: a man in a suit, a woman in a hijab, and another man in a suit.

PICOMS INTERNATIONAL UNIVERSITY COLLEGE

017 - 373 03 - 6192 0600